

→ ANUGERAH

7 kakitangan MPB terima penghargaan bomba

[FOTO IHSAN BOMBA]



Mohd Noor bersama pengamal media dan anggota bomba yang menerima Pingat Cemerlang Bomba selepas Istiadat Pengurniaan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat, di Putrajaya, semalam.

→ Pingat cemerlang hargai sumbangan, komitmen media

Oleh **Wan Noor Hayati Wan Alias**
Wanti@bh.com.my

↳ Putrajaya

Lima wartawan dan dua penerbit Media Prima Bhd (MPB) adalah antara 307 penerima Pingat Cemerlang Bomba (PCB) pada Istiadat Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat, semalam.

Antaranya, wartawan BH, Wan Noor Hayati Wan Alias; T N Alagesh (NST Biro Pahang), Raja Noraina Raja Rahim (Harian Metro Seremban), Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin (TV9), dan wakil Berita TV9 di Negeri Sembilan, Arfi Ahmad.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wira Mohd Noor Ibrahim turut menyampaikan PCB kepada Penerbit Nasi Lemak Kopi O TV9, Christine Lee

dan Dian Maisarah Jasri (MHI TV3),

Kakitangan komited diiktiraf

Beliau berkata, seramai 24 pengamal media dipilih menerima PCB sebagai penghargaan atas sumbangan mereka menyampaikan maklumat dan publisiti jabatan, selain pengiktirafan kepada kakitangan yang komited dalam tugas.

“Seramai 60 anggota bomba pula

menerima Pingat Setia Bomba, 14 penerima Pingat Jasa Bomba (PJB) dan 13 penerima Pingat Ketua Pengarah,” katanya pada sidang media selepas Pengurniaan Pingat Kebesaran JBPM, di sini.

Sementara itu, Mohd Noor berkata, Ops Raya yang dilancarkan JBPM dari 18 Jun hingga 2 Julai lalu mencatatkan penurunan kes kebakaran sebanyak 47 peratus iaitu daripada 2,400 pada 2016 kepada 1,272 kes tahun ini.